

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 NOVEMBER 2013 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pengerusi Biotech terima Ijazah Kehormat dari UniSZA	Bernama.com
2	Penasihat PM terima ijazah kehormat	Utusan Malaysia
3	Kenaikan gaji melampau bukti ‘Pengorbanan’ dilaungkan pembangkang hanya lakonan - Idris	Bernama.com

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 30 NOVEMBER 2013 (SABTU)



Pengerusi Biotech Terima Ijazah Kehormat Dari UniSZA

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- **Pengerusi Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) Prof Emeritus Datuk Seri Zakri Abdul Hamid** dianugerahi ijazah kedoktoran kehormat dalam Bioteknologi dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sempena konvokesyen kelima universiti itu di Kuala Terengganu hari ini.

Zakri yang juga Pengerusi bersama Kumpulan Teknologi Tinggi Industri -Kerajaan Malaysia (MIGHT), berkata beliau berbesar hati dan berterima kasih kepada UniSZA atas penganugerahan ijazah kedoktoran kehormat itu sebagai menghargai kerja-kerjanya dalam bidang bioteknologi.

"Banyak lagi yang perlu dilakukan, dan saya sangat yakin bahawa menerusi sokongan institusi pengajian tinggi seperti UniSZA, kita boleh merealisasikan potensi sebenar dalam bidang ini," katanya dipetik berkata dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh MIGHT.

Zakri yang baru-baru ini merupakan antara 26 tokoh yang dilantik sebagai anggota Lembaga Penasihat Saintifik Setiausaha Agung PBB, melakar sejarah apabila dipilih sebagai Pengerusi pertama Platform Dasar Sains mengenai Biokepelbagai dan Perkhidmatan ekosistem Antara Kerajaan PBB.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH: 30 NOVEMBER 2013 (SABTU)

Penasihat PM terima ijazah kehormat

KUALA LUMPUR 29 Nov.

Pengerusi Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Prof. Emeritus Datuk Seri Zakri Abdul Hamid menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Bioteknologi) sempena Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Kali Ketujuh di sini hari ini.

Zakri yang juga Pengurus

Bersama
Kumpulan
Industri-Kerajaan
Malaysia bagi Teknologi
Tinggi
(MIG-

HT) adalah salah seorang daripada 26 Ahli Lembaga Penasihat Saintifik Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau mencipta sejarah apabila menjadi orang pertama dilantik sebagai Pengerusi Platform Dasar-Sains Biodiversiti Antara Kerajaan dan Perkhidmatan Eko-sistem PBB (IPBES).

Baru-baru ini, Zakri menerima Anugerah Matsuda dari Persatuan Sains Pertanian Antarabangsa (Asia Tenggara) (ISSAAS) di Manila berikutan peranannya di peringkat global yang memperjuangkan pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti secara lestari bagi meningkatkan kesedaran kepentingan pemuliharaan sumber genetik tanaman pertanian di rantau Asia Tenggara yang merupakan sumber asal bagi tanaman padi, pisang, tebu dan limau.



ZAKRI ABDUL HAMID

“Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada UniSZA kerana menghargai sumbangan saya dalam bidang bioteknologi dan menganugerahkan ijazah kehormat doktor ini.

“Terdapat banyak yang perlu dilakukan dan saya amat yakin, dengan sokongan daripada institusi-institusi pengajian tinggi seperti UniSZA, kita boleh mencapai potensi sebenar negara kita dalam bidang ini,” katanya dalam kenyataan.

Zakri pernah bertugas sebagai Setiausaha Agung Kajian Pemajuan Pembangunan Masyarakat di Asia-Oceania (1981-1989) selain Pengasas serta Presiden Masyarakat Genetik Malaysia (1994- 2000).

Antara penerbitan beliau adalah buku mengenai Sumber Genetik Tumbuhan yang Kurang Digunakan di Malaysia (1989) dan Pertanian, Keselamatan dan Keamanan Manusia (2008).

Selain itu, beliau juga merupakan penduduk Asia pertama dipilih sebagai Pengerusi Badan Subsidiari Saintifik, Teknikal dan Teknologi dalam Konvensyen PBB mengenai kepelbagaiannya biologi.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 30 NOVEMBER 2013 (SABTU)



Kenaikan Gaji Melampau Bukti 'Pengorbanan' Dilaungkan Pembangkang Hanya Lakonan - Idris

MELAKA, 29 Nov (Bernama) -- Kenaikan melampau gaji menteri besar, exco, speaker, timbalan speaker dan anggota Dewan Undangan Negeri Selangor memperlihatkan 'pengorbanan untuk rakyat' dilaungkan pembangkang hanya lakonan, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron.

Beliau berkata ternyata kata-kata pemimpin pembangkang di Selangor sebelum ini bahawa mereka pemimpin rakyat yang sejati, tidak perlu ganjaran dan habuan hanyalah 'omong kosong' untuk memperdaya rakyat.

Katanya tindakan menaikkan gaji itu juga bukanlah sesuatu yang boleh memberikan keuntungan besar kepada rakyat, sebaliknya ia meningkatkan kos pentadbiran kerajaan negeri Selangor yang sepatutnya berhemah dalam mentadbir urus wang rakyat.

"Pada masa negeri di bawah Barisan Nasional, amat berhati-hati mengawal tadbir urus kewangan secara berhemah, mereka (pembangkang) tampak belang mereka rakus, begitu boros belanjakan wang rakyat untuk kesenangan tekak dan peribadi sendiri," katanya kepada pemberita di Ayer Keroh di sini Jumaat.

Terdahulu beliau menghadiri Majlis Berkhatan Beramai-ramai dan Pelancaran Produk Rapideclam disempurnakan Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob. Turut hadiri isteri Mohd Khalil, Toh Puan Zurina Kassim, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mat Diah** dan Pengarah Urusan MedicFit Technology Sdn Bhd Datuk Rahadian Mahmud Tun Mohd Khalil.

Semalam, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan kenaikan gaji dan elauan antara 87 peratus hingga 373.3 peratus bagi menteri besar, exco, speaker, timbalan speaker dan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor berkuatkuasa 1 Jan depan. Pindaan gaji kali terakhir dilakukan pada 2011.

Idris berkata dengan perkembangan terbaru itu, rakyat boleh menilai sendiri cara sebenar bagaimana pembangkang mentadbir sebuah negeri dan sepatutnya tidak lagi diberikan peluang mentadbir di mana-mana negeri pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Suatu tindakan yang tidak bijak sekiranya terus memilih mereka pada PRU akan datang atau mana-mana pilihan raya kecil selepas ini terutamanya di Selangor...saya memberi jaminan Melaka tidak akan melakukan perkara sebegini kepada rakyatnya sendiri," katanya.

Sementara itu, Idris berkata pelantikan exco dalam kalangan Adun MCA di Melaka akan dilakukan selepas selesai pemilihan agung parti itu pada 21 Dis depan bagi memberi lebih ruang kepada parti itu membuat penyusunsan semula.

"Pemilihan itu ada pertandingan jawatan peringkat tertinggi parti jadi saya nak lihat dulu bagaimana, beri lebih masa dan ruang kepada mereka (MCA)...ini juga boleh beri saya lebih masa meneliti semua calon yang ada dan rancang sebaiknya," katanya.

Sebelum ini, Idris dilaporkan berkata akan mengumumkan Adun MCA yang bakal dilantik Exco selepas sidang Dewan Undangan Negeri selesai semalam. Tiga wakil rakyat MCA di Melaka ialah Adun Bemban Datuk Ng Choon Koon; Adun Machap Datuk Lai Meng Chong; dan Adun Klebang Lim Ban Hong.